

15 MAY 1997

MALAKOFF JANGKA SEDIKIT PENINGKATAN PADA KEUNTUNGAN TAHUN DEPAN

LUMUT, 15 Mei (Bernama) -- Malakoff Bhd, yang berjaya menyiapkan Blok Dua Loji Janakusa Lumut, enam bulan lebih awal daripada yang dijadualkan, menjangkakan keuntungan yang meningkat sedikit bagi tahun semasa berbanding keuntungan sebanyak RM38.83 juta tahun lalu, kata pengarah urusannya Ahmad Jauhari Yahya.

Beliau berkata demikian pada satu persidangan berita selepas Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad merasmikan pelancaran loji yang berharga RM3.7 bilion itu dekat sini hari ini.

Malakoff, ahli kumpulan syarikat Malaysian Resources Corporation Bhd (MRCB), memiliki 75 peratus Segari Energy Ventures (SEV) Sdn Bhd, yang memajukan stesen janakuasa kitar padu gas 1,303 megawatt dekat sini.

Kata Ahmad Jauhari syarikat itu akan mempelbagaikan kegiatannya bagi melaksanakan kerja-kerja menebus guna tanah di sepanjang 40 km kawasan pantai Perak dan menjadikannya kawasan perindustrian, komersil, kediaman, riadah dan pelancongan.

Katanya, projek tersebut, yang akan dilaksanakan oleh anak syarikatnya, Desa Kilat Sdn Bhd, berpotensi mewujudkan kawasan tebus guna seluas 8,093 hektar.

Bagaimanapun, tambah beliau, sektor kuasa akan tetap menjadi kegiatan utama syarikat itu.

Selain itu, syarikat itu juga bercadang membina loji penjanaan bersama ketiganya, dan butiran mengenainya akan diumumkan pada akhir tahun ini, kata Ahmad Jauhari.

Dua loji janakuasa pertama sekarang terletak di KL Sentral di Kuala Lumpur dan di kawasan Malaysian Newsprint Industries Sdn Bhd (MNI) di Kuantan, Pahang.

Ahmad Jauhari menambah kata bahawa janakuasa di Lumut ini akan dikendalikan dan disenggarakan oleh Teknik Janakuasa Sdn Bhd, yang menjalani latihan di bawah kelolaan kontraktor siap guna, ABB Power Generation Sdn Bhd.

Loji ini akan membekalkan 86 peratus daripada keupayaannya kepada Tenaga Nasional Bhd. -- BERNAMA

YY KY/sia